



## KENYATAAN AKHBAR PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK

### SITUASI TERKINI COVID-19 DI SARAWAK

#### Peningkatan Kes Harian COVID-19 di Sarawak

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memaklumkan bahawa pada 12 Ogos 2021, sebanyak **1,216 kes** baharu COVID-19 di Sarawak. Ini menjadikan kumulatif kes COVID-19 yang telah dilaporkan setakat ini adalah berjumlah **84,603 kes**. **Bilangan kes harian ini merupakan rekod tertinggi pernah dilaporkan oleh Sarawak sejak wabak bermula pada Mac 2020.**

Sebanyak **752** kes baharu (**61.8 peratus**) dilaporkan di Bahagian Kuching diikuti Bahagian Serian, **236** kes (**19.4 peratus**) dan Bahagian Samarahan, **101** kes (**8.3 peratus**). Dua (2) kematian telah dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Kuching dan Daerah Serian. Kedua-dua kes tersebut belum menerima imunisasi COVID-19 yang lengkap dan berkomorbid.

#### Punca Peningkatan Kes

Perebakan kes ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor termasuk aktiviti berkumpul secara sosial dan keluarga, majlis sambutan hari jadi atau perpisahan, majlis pengebumian dan tahlil, aktiviti sukan berkumpulan, bermesyuarat secara fizikal serta jangkitan di tempat kerja yang tidak mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP). Masih ramai lagi individu yang didapati melepak di tempat awam dan berbual-bual di tempat makan tanpa memakai pelitup muka. Selain itu, terdapat juga majikan yang masih enggan membenarkan pekerja mereka menjalani saringan atau bekerja dari rumah apabila mereka mempunyai gejala sehingga tercetusnya kluster di tempat kerja.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin menekankan bahawa pembukaan sektor perniagaan dan peningkatan kadar tenaga kerja yang dibenarkan di tempat kerja merupakan langkah dan prihatin kerajaan untuk memulihkan ekonomi dan sosial masyarakat sejajar dengan peningkatan kadar imunisasi COVID-19. Namun, kelonggaran yang diberikan bukanlah bermakna kita telah menang dalam memerangi COVID-19. Semua orang masih perlu mematuhi SOP dan sentiasa memakai pelitup muka apabila berada di tempat awam, mengamalkan penjarakan fizikal serta amalan kebersihan diri yang tinggi.

### **Kekal Duduk di Rumah dan Lindungilah Keluarga Kita**

Orang ramai diminta agar kekal duduk di rumah jika tiada urusan penting. Jangan mengunjungi ahli keluarga, jiran atau rakan tanpa tujuan. Malah, jangan membawa anak atau golongan yang belum diberi imunisasi COVID-19 ke tempat awam yang terdapat ramai orang, sesak dan sempit. Namun, jika terpaksa, sentiasa pastikan pelitup muka dipakai dan penjarakan fizikal dengan semua orang diamalkan serta SOP yang ditetapkan dipatuhi. Bagi yang bekerja, sekiranya tidak sihat, jangan turun bekerja. Majikan sepatutnya bertanggungjawab memastikan hanya pekerja yang sihat sahaja dibenarkan bekerja manakala yang tidak sihat harus disaring untuk COVID-19. Buat masa sekarang, orang ramai diingat agar elakkan daripada berkumpul untuk sebarang aktiviti sosial, majlis atau sambutan keramaian. Janganlah biarkan kegembiraan semasa perayaan atau sambutan tersebut diakhiri dengan kedukaan dan kehilangan mereka yang kita sayangi.

### **Dapatkan Saringan Sekiranya Bergejala atau Terdedah**

Semua individu yang mengalami gejala seperti demam, batuk, sakit tekak, sukar bernafas atau mengalami kelesuan, sakit badan, cirit-birit dan muntah tanpa punca yang dapat dikenal pasti, perlu **segera** mendapatkan saringan dan rawatan di fasiliti kesihatan terdekat walaupun gejala adalah ringan dan tidak teruk.

Sekiranya seseorang telah terdedah kepada kenalan yang dikesan positif COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lepas, sila dapatkan saringan di fasiliti kesihatan terdekat

walaupun belum dihubungi oleh petugas kesihatan. Sekiranya diarahkan untuk kuarantin di rumah, orang ramai diminta bekerjasama agar tidak sekali-kali meninggalkan rumah atau berhubung rapat dengan ahli keluarga atau rakan lain yang tinggal serumah. Ini amat penting bagi mencegah mereka daripada dijangkiti. Semasa dalam tempoh kuarantin di rumah jika gejala bertambah teruk dan berasa tidak sihat, sakit kepala atau sakit dada, **segera** hubungi 999 atau hospital terdekat untuk bantuan.

Orang ramai di Sarawak diseru agar tidak leka dan terus kekal berwaspada. Kita belum lagi menang dan kita jangan mengalah dalam memerangi wabak ini. Bersama-sama lah kita bertanggungjawab memutuskan rantaian perebakan jangkitan COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR MOHAMED SAPIAN BIN MOHAMED** DIMP.SMP  
Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

**12 Ogos 2021**